

Kontroversi penggunaan keris Pemuda UMNO selesai

Oleh HABIBAH OMAR

PUTRAJAYA 6 Dis. - Kontroversi penggunaan keris oleh Pergerakan Pemuda UMNO semasa Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini, selesai hari ini setelah Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengadakan pertemuan dengan Pergerakan Pemuda MCA bagi menjelaskan perkara tersebut.

Pada pertemuan tersebut, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO itu menjelaskan bahawa semua pihak perlu melihat penggunaan keris oleh Pemuda UMNO adalah sebagai lambang amanah yang perlu dipikul oleh pergerakan itu untuk menjalankan tanggungjawabnya kepada semua kaum.

Menurut Hishammuddin, penggunaan keris perlu juga dilihat secara positif sebagai satu lambang 'tanggungjawab' dan amanah untuk mempertahankan negara.

"Kita bercakap mengenai keris, kalau dilihat dari segi negatif, memang keris akan melukakan tapi kalau lihat dari segi positif seperti mencium keris, ia adalah tanggungjawab orang yang mencium keris itu untuk menjalankan tugasnya.

"Kalau tidak (menjalankan tugas), maka

UM-7/12/2006

Semua pihak perlu melihat penggunaan keris oleh Pemuda UMNO adalah sebagai lambang amanah yang perlu dipikul oleh pergerakan itu untuk menjalankan tanggungjawabnya kepada semua kaum

**HISHAMMUDIN
TUN HUSSEIN**
Ketua
Pergerakan
Pemuda UMNO

keris itu akan digunakan terhadapnya. Ia bukan bertujuan membuatkan kaum lain berasa tidak senang," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan Exco Pergerakan Pemuda MCA yang diketuai oleh Ketua Pemudanya, Datuk Liow Tiong Lai di pejabatnya di sini, hari ini.

Sebelum ini tindakan mencium Keris Panca Warisan semasa Perhimpunan Agung Pergerakan Pemuda UMNO lalu telah menyebabkan parti komponen Barisan Nasional (BN) berasa tersinggung.

Malah pihak pembangkang juga tidak putus-putus membangkitkan isu mencium keris berkenaan.

Hishammuddin yang juga Pengerusi Pemuda BN berkata, simbol keris tidak perlu dilihat sebagai menakutkan.

Beliau menjelaskan dalam konteks du-

nia tanpa sempadan dan sikap keterbukaan serta ketelusan, isu-isu negatif akan timbul tetapi ia tidak akan mengeruhkan dan menjejaskan hubungan baik antara parti-parti komponen BN.

Semua itu, katanya, dapat diselesaikan melalui semangat setiakawan dan saluran yang betul di dalam BN.

Sementara itu, Tiong Lai berkata, beliau mempunyai keyakinan kepada Hishammuddin bahawa Pengerusi Pemuda BN itu tidak akan menggunakan keris berkenaan kepada kaum lain.

"Kita membincangkan mengenai perkara itu dan kita sedar keris adalah kebudayaan orang Melayu, jadi kita faham penjasannya.

"Kita faham keris adalah untuk menjalankan tanggungjawab kepada semua bangsa dan amanah untuk mempertahankan negara," tambahnya.